A

Pendakwa Raya lwn P Tech Resources Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO JA-42ES-[1 HINGGA 16]-12 TAHUN 2023
ABU BAKAR KATAR H
27 JUNE 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Syarikat dipertuduh dengan 60 pertuduhan asal berkaitan pembuangan enapan ke dalam Sungai — Syarikat ditawarkan lapan pertuduhan pilihan di bawah peraturan 5(1)(b), 5(1)(c), 7(3), 7(4), 9(a), 9(b), 10(1) dan 16(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 — Syarikat mengaku bersalah atas semua pertuduhan pilihan — Hakim mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman denda RM40,000 bagi setiap kes — Sama ada hukuman yang dijatuhkan tidak mencerminkan bahawa kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan berat — Sama ada mahkamah perlu mengambil notis kehakiman tentang kesan pencemaran Sg Kim Kim sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar sebelum menjatuhkan hukuman — Sama ada pihak pendakwaan boleh bergantung kepada fakta perbicaraan yang sebelumnya yang berkaitan dengan pertuduhan asal

D

E

F

P Tech Resources Sdn Bhd ('syarikat tersebut') bersama-sama dengan tiga orang pengarahnya pada asalnya telah dipertuduh dengan 60 pertuduhan yang berkaitan dengan pembuangan enapan di Sg Kim Kim, namun begitu, setelah Ketua Bahagian Pendakwaan ('KBP') menerima representasi peguam yang mewakili mereka serta seorang yang bernama Maridass, KBP telah mengemukakan pertuduhan-pertuduhan pilihan. Berkaitan dengan ini, Maridass telah mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan di bawah s 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ('Akta tersebut') dan dia kemudiaannya disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman denda RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara. Syarikat tersebut pula ditawarkan lapan pertuduhan pilihan di bawah peraturan 5(1)(b), 5(1)(c), 7(3), 7(4), 9(a), 9(b), 10(1) dan 16(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 ('Peraturan tersebut'). Syarikat tersebut mengaku bersalah atas kesemua lapan pertuduhan tersebut. Syarikat tersebut kemudiannya disabitkan bersalah oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM40,000 bagi setiap kes. Tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS, kedua-dua pihak memfailkan rayuan-rayuan semasa. Pihak pendakwaan berhujah bahawa: (a) hukuman tersebut tidak mencerminkan bahawa kesalahan yang dilakukan syarikat tersebut merupakan kesalahan yang berat; dan (b) HMS telah gagal untuk menimbangkan kesan pencemaran yang berlaku di Sg Kim Kim kepada penduduk setempat —

G

H

I

berkaitan hujahan ini, pihak pendakwaan memohon mahkamah mengambil notis kehakiman berkaitan kesan pencemaran Sg Kim Kim sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar harian iaitu BH Online bertarikh 13 Mei 2024 dan Kosmo bertarikh 13 Mei 2024. Peguam syarikat tersebut pula berhujah bahawa sebaik sahaja pertuduhan membuang enapan ke dalam Sg Kim Kim ditarik balik oleh pendakwaan, syarikat tersebut tidak boleh dikaitkan dengan pencemaran Sg Kim Kim dan syarikat tersebut juga tidak boleh dikaitkan dengan Maridass yang telah mengaku bersalah atas kesalahan dibawah s 25(1) Akta tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan pendakwa raya, menaikkan hukuman denda dari RM40,000 kepada RM80,000 bagi setiap kes, dan menolak rayuan syarikat tersebut:

(1) Mahkamah mendapati sebaik pendakwaan tidak berhasrat untuk meneruskan pertuduhan yang asal terhadap syarikat tersebut dan/atau pengarah-pengarahnya di bawah s 34B Akta tersebut, syarikat tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan membabitkan pencemaran udara dan bukannya pembuangan enapan di Sg Kim Kim. Pendakwaan tidak boleh bergantung kepada fakta semasa perbicaraan berlangsung sebelumnya kerana ia membabitkan pertuduhan yang berlainan (lihat perenggan 30).

(2) Timbalan pendakwa raya cuba mengaitkan syarikat tersebut dengan tindakan Maridass yang membuang enap cemar berminyak ke dalam Sg Kim Kim. Timbalan pendakwa raya bergantung kepada eksh P108A yang menyatakan syarikat tersebut membayar sejumlah wang kepada Maridass bagi tujuan tersebut. Timbalan pendakwa raya berhujah bahawa adalah tidak munasabah bagi Maridass untuk mengangkut air jika bukan bahan buangan yang terhasil dari kilang syarikat tersebut yang melakukan pyrolysis tayar lama. Mahkamah berpendapat sepanjang perbicaraan berlangsung, tiada keterangan yang membuktikan 'air' yang tercatat dalam P108A merujuk kepada enapan buangan yang terhasil di kilang syarikat tersebut. Mahkamah turut merujuk fakta kes yang dikemukakan semasa Maridass mengaku bersalah atas pertuduhan s 25(1) Akta tersebut. Fakta kes tersebut tidak menyatakan Maridass melepaskan buangan Kod SW 311 yang terhasil dari proses pyrolysis tayar-tayar lama dari kilang syarikat tersebut (lihat perenggan 31–32).

(3) Mahkamah mendapati bahawa HMS telah menggunakan budi bicaranya semasa menjatuhi hukuman denda ke atas syarikat tersebut tanpa dipengaruhi berita-berita yang tersiar dalam media massa berkaitan pencemaran Sg Kim Kim. Mahkamah berpandangan bahawa petikan akhbar tanpa pembuktikan selanjutnya tidak boleh diterima bulat-bulat atau berselindung dengan notis kehakiman yang cuba

dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya bagi memohon hukuman maksima dikenakan ke atas kesalahan pencemaran udara. Mahkamah berpendapat bahawa keratan akhbar yang dirujuk oleh timbalan pendakwa raya sekadar 'hearsay' dan tidak boleh diambil kira bagi tujuan rayuan atas hukuman di hadapan mahkamah (lihat perenggan 33–34 & 36).

(4) Mahkamah mendapati HMS terlampau menumpukan mindanya kepada lapan kesalahan di mana syarikat tersebut mengaku bersalah merupakan kesalahan pentadbiran semata-mata. Hakim mahkamah sesyen gagal menghayati tujuan Peraturan tersebut di gubal oleh Parlimen. Peraturan tersebut telah menetapkan tatacara dan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan bagi menghalang pencemaran udara berlaku. Mahkamah bersetuju dengan hujahan timbalan pendakwa raya bahawa sekiranya tindakan penguatkuasaan tidak dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas premis syarikat tersebut, lapan kesalahan tersebut tidak akan dikesan dan akan berterusan. Pencemaran udara ini akan berlaku secara berterusan dan membahayakan kehidupan manusia yang tinggal di kawasan berhampiran kilang tersebut. Selain itu, HMS juga gagal menimbangkan kekerapan kes pencemaran udara yang berlaku di Negeri Johor (lihat perenggan 37–39).

[English summary

P Tech Resources Sdn Bhd ('the company') together with three of its directors were originally charged with 60 charges related to the dumping of sediment in Sg Kim Kim, however, after the Head of the Prosecution Division ('HPD') received legal representation from the counsel who represented them as well as a person named Maridass, HPD had presented alternative charges. In relation to this, Maridass pleaded guilty to the alternative charge under s 25 of the Environmental Quality Act 1974 ('the Act') and he was subsequently convicted and sentenced to a fine of RM100,000 in default 12 months imprisonment. The company was offered eight alternative charges under regs 5(1)(b), 5(1)(c), 7(3), 7(4), 9(a), 9(b), 10(1) and 16(1) of the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 2014 ('the Regulations'). The company pleaded guilty to all eight charges. The company was later convicted by the sessions court judge ('the SCJ') and sentenced to a fine of RM40,000 for each case. Dissatisfied with the sentence handed down by the SCJ, both parties filed the present appeals. The prosecution argued that: (a) the sentence did not reflect that the offence committed by the company was a serious offence; and (b) the SCJ had failed to consider the impact of the pollution that occurred at Sg Kim Kim on the local community — in relation to this argument, the prosecution requested the court to take judicial notice of the impact of pollution at Sg Kim Kim as reported in the daily newspaper, BH Online dated 13 May 2024 and Kosmo dated 13 May 2024. The counsel for the company argued that once the charge

of dumping sediment into Sg Kim Kim was withdrawn by the prosecution, the company could not be associated with the pollution of Sg Kim Kim and the company also could not be associated with Maridass who had pleaded guilty to an offence under s 25(1) of the Act.

Held, allowing the public prosecutor's appeal, increasing the fine from RM40,000 to RM80,000 for each case, and dismissing the company's appeal:

(1) The court found that once the prosecution did not intend to continue with the original charge against the company and/or its directors under s 34B of the Act, the company had pleaded guilty to the alternative charges involving air pollution instead of dumping sediment in Sg Kim Kim. The prosecution could not rely on the facts during the previous trial because such facts were for different charges (see para 30).

(2) The deputy public prosecutor attempted to link the company with the actions of Maridass who threw oily sludge into Sg Kim Kim. The deputy public prosecutor relied on exh P108A which stated that the company paid a sum of money to Maridass for that purpose. The deputy public prosecutor argued that it was unreasonable for Maridass to transport water if it was not the waste produced from the company's factory that pyrolyzed old tires. The court opined that throughout the trial, there was no evidence proving the 'water' as recorded in P108A referred to the waste sludge produced at the company's factory. The court also referred to the facts of the case presented when Maridass pleaded guilty to the charge of s 25(1) of the Act. The facts of the case did not state that Maridass had released Code SW 311 waste resulting from the pyrolysis process of old tires from the company's factory (see paras 31–32).

(3) The court found that the SCJ had used his discretion when imposing a fine on the company without being influenced by the news published in the mass media related to the pollution of Sg Kim Kim. The court was of the view that newspaper excerpts without further proof could not be accepted outright or disguised as a judicial notice that the deputy public prosecutor was trying to argue to request a maximum sentence to be imposed for the offence of air pollution. The court was of the opinion that the newspaper clippings referred to by the deputy public prosecutor were merely 'hearsay' and could not be taken into account for the purpose of the appeal against sentence before the court (see paras 33–34 & 36).

(4) The court found that the SCJ focused too much on the facts that the eight offences that the company pleaded guilty to were purely administrative offences. The SCJ failed to understand the purpose of the Regulations enacted by Parliament. The Regulations had established the procedures and actions that needed to be taken to prevent air pollution from occurring. The court agreed with the deputy public prosecutor's

argument that if enforcement action had not been taken by the Department of Environment on the company's premises, the eight offences would not have been detected and would continue. This air pollution would occur continuously and would endanger human life living in the area near the factory. In addition, the SCJ also failed to consider the frequency of air pollution cases occurring in the State of Johor (see paras 37–39).]

Kes-kes yang dirujuk

Abu Bakar bin Alif v R [1953] 1 MLJ 19; [1952] CLJU 4; [1952] 1 LNS 4 (dirujuk)
Jamil bin Dun v PP [2019] MLJU 179; [2019] CLJU 191; [2019] 1 LNS 191, MR (dirujuk)
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan & Anor v Dr Tan Kee Kwong [2012] 4 MLJ 622; [2012] 3 CLJ 342, MT (dirujuk)
Lian Kian Boon v PP [1991] 1 MLJ 51; [1990] 2 CLJ 799, MT (dirujuk)
PP v Kamaruzaman bin Mahmud & Anor [2007] 1 MLJ 750; [2006] 4 CLJ 792, MT (dirujuk)
PP v Sathiaseelan a/l Periyasamy & Anor [2010] 8 MLJ 710; [2010] 2 CLJ 890, MT (dirujuk)
Samont N Balakrishna v George Fernandez 1969 SCR (3) 603, MA (dirujuk)
Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261, MR (dirujuk)
Tuan Mat bin Tuan Lonik v PP [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 25, 25(1), 34B
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 peraturan 5(a), (b), 7(3), (4), 9(a), (b), 10(1), 16, 16(1), Jadual Kedua
Perlembagaan Persekutuan perkara 5

Khairul Azreem bin Mamat (Abdul Ghafar bin Ab Latif dan Nurliyana R Azmi bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak perayu.
Subramaniam Nair (Selvatharen bersamanya) bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] P Tech Resources Sdn Bhd ('syarikat tersebut') yang mempunyai alamat

perniagaan di PLO 113 Jalan Nibong 2, Kawasan Perindusterian Tanjung Langsat, 81700 Pasir Gudang, Johor telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2017. Syarikat tersebut menjalankan perniagaan 'manufacturing and trading tires oil'.

[2] Syarikat tersebut bersama tiga orang pengarah pada asalnya telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru atas 60 pertuduhan (Kes Saman No JA-63ES-[12 hingga 71]-03 Tahun 2019). Perbicaraan telah berlangsung dan pendakwaan memanggil seramai 37 orang saksi untuk memberi keterangan. Peguam yang mewakili syarikat tersebut dan tiga orang dan Maridass a/l Nallapan telah mengemukakan representasi ke pihak Ketua Bahagian Pendakwaan (KBP), Jabatan Peguam Negara. Pihak KBP telah menerima representasi dan mengemukakan pertuduhan pilihan.

[3] Pada 30 November 2023, OKS bernama Maridass a/l Nallapan ('Maridass') telah mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan dibawah s 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 1974). Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru ('Tuan HMS itu') telah merekodkan Maridass bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pilihan. Tuan HMS itu telah menjatuhi hukuman denda RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara. Pendakwaan dan OKS Maridass tidak memfailkan apa-apa notis rayuan terhadap hukuman.

[4] Selanjutnya, syarikat tersebut telah ditawarkan pertuduhan pilihan sebagaimana yang tercatat dalam Lampiran C (sila rujuk Kertas Pertuduhan-Rekod Rayuan (RR) (Jld 1)(ms 34 hingga ms 57). Pertuduhan pilihan sebagaimana Kes Saman No JA-63ES-(12 hingga 19)-03 Tahun 2019. Pada tarikh yang sama Maridass mengaku bersalah, syarikat tersebut yang diwakili oleh Encik Yap Yoke Liang telah mengaku bersalah atas lapan pertuduhan pilihan dibawah kesalahan-kesalahan yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ini:

JADUAL

BIL	NO KES	KESALAHAN	BUTIRAN
1	JA-63ES-12 –03 of 2019	Peraturan 5(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 (Peraturan-Peraturan itu) Gagal membuat	Gagal membuat pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah menjalankan apa-apa kerja dimana-mana

		pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah menjalankan apa-apa kerja dimana-mana premis yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran.	premis yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran.
2	JA-63ES-13 –03 of 2019	Peraturan 5(1)(c) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal membuat pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah membina atas mana-mana tanah, apa-apa bangunan atau premis yang direka bentuk atau yang digunakan bagi tujuan yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran yang baru.
3	JA-63ES-14 –03 of 2019	Peraturan 7(3) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal mengendalikan dan menyelenggarakan sistem kawalan pencemaran udara mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh dan memastikan bahawa semua komponen sistem kawalan pencemaran udara berfungsi dengan baik.
4	JA-63ES-15 –03 of 2019	Peraturan 7(4) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal mengendalikan sistem kawalan pencemaran diselia oleh orang yang berwibawa hendaklah bertugas disepanjang masa sistem kawalan pencemaran unadara beroperasi.

5	JA-63ES-16 –03 of 2019	Peraturan 9(a) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal melengkapkan premis dengan kemudahan, kelengkapan atau peralatan yang berkaitan bagi menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara.
6	JA-63ES-17 –03 of 2019	Peraturan 9(b) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal menjalankan pemantauan prestasi bagi komponen sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
7	JA-63ES-18 –03 of 2019	Peraturan 10(1) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal menyelengarakan rekod bagi proses pengilangan dan bagi penyenggaraan dan pemantauan prestasi kawalan pencemaran udara.
8	JA-63ES-19 –03 of 2019	Peraturan 16(1) Peraturan-Peraturan itu.	Gagal menjalanakan pemantauan berkala jika dikehendaki dibawah Jadual yang berkenaan.

[5] Tuan HMS itu telah merekodkan syarikat tersebut bersalah dan disabitkan atas ke semua pertuduhan pilihan. Tuan HMS itu telah menjatuhi hukuman bagi setiap kes denda RM40,000.

[6] Pihak pendakwaan yang terkilan dengan hukuman yang dijatuhi oleh Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi berkaitan hukuman (RR) (Jld 1)(ms 2–17). Pihak syarikat tersebut yang turut terkilan dengan hukuman memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi atas hukuman sahaja (RR) (Jld 1) (ms 18–33).

FAKTA KES UNTUK PENDAKWAAN

[7] Secara ringkasnya kes pendakwaan seperti berikut: pada 11 Mac 2019 jam lebih kurang 12.15 tengah hari pasukan penyiasat terdiri dari Penolong Pegawai Kawalan Tertinggi Encik Alias bin Rahmat (SP4), Penolong Pegawai Kawalan Puan Nurul Hafizah bt Rahmat (SP33), Penolong Jurutera En Saiful

Amri bin Efendi (SP6) dan Penolong Jurutera Encik Norezani bin Kamaludin (SP7) telah menjalankan siasatan ke atas premis P Tech Resources Sdn Bhd (syarikat tersebut) terletak di PLO 113, Jalan Nibong 2, Taman Perindustrian Tanjung Langsat, 81700 Pasir Gudang, Johor.

[8] SP33 menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Penyiasat. SP6 mengambil sampel-sampel dan SP7 bertindak sebagai jurugambar dan melukis rajah kasar.

[9] Hasil siasatan yang dijalankan mendapati premis syarikat tersebut menjalankan aktiviti (*combustion*), pyrolysis, pemeluwapan (*condensation)* dan pemisahan minyak (*oil separator*) bagi menghasilkan 'pyrolysis oil' dan 'steel wire'.

[10] Proses pembakaran merupakan pembakaran bahan api gas petroleum cecair bagi nyalaan permulaan (*start-up*) dan seterusnya diikuti dengan menggunakan bahan api minyak (*pyrolysis oil*). Proses ini bagi membekalkan haba kepada *pyrolysis reactor*. Proses ini akan menghasilkan pencemaran udara.

[11] Proses *pyrolysis* merupakan proses penguraian terhadap bahan mentah tayar terpakai dengan bekalan haba antara 600 darjah Celsius hingga 800 darjah Celsius di dalam *pyrolysis reactor*. Proses ini akan menghasilkan produk kabon hitam (*black carbon*), gas *pyrolytic* dan dawai keluli (*steel wire*).

[12] Proses pemeluwapan (*condensation*) merupakan proses penyejukkan gas *pyrolytic* bagi tujuan penukaran fasa gas tersebut kepada fasa cecair iaitu minyak. Minyak yang terhasil daripada proses ini akan disimpan dalam tangki simpanan sementara dan seterusnya dipam ke dalam tangka pemisah minyak (*oil separator*). Manakala gas yang tidak terpeluwap (*non-condensable gas*) akan digunakan sebagai bahan api proses pembakaran dan selebihnya akan dibakar dengan kaedah *flaring.*

[13] Akhirnya, proses pemisahan minyak (*oil separator*) merupakan pemisahan minyak dan enap cemar di dalam tangka silo. Minyak akan berada di bahagian lapisan atas tangka silo dan enap cemar akan berada di bahagian lapisan bawah tangka silo. Seterusnya lapisan atas minyak akan dipam ke tangki simpanan produk akhir dan enap cemar sebagai bahan buangan.

[14] Ketika penguatkuasaan dijalankan, premis syarikat tersebut mempunyai lapan pyrolisis reactor yang merupakan alat pembakaran bahan api yang mana apabila berfungsi akan menyebabkan punca pengeluaran (*emission*) berlaku. Pada ketika itu, tujuh pyrolisis reactor berfungsi dan satu *pyrolisis* dalam penyelenggaraan. Premis juga mempunyai alat kawalan pencemaran udara iaitu empat unit *scrubber*, dua unit *cyclone* dan satu unit

cerobong. Semakan mendapati premis telah memasang dan mengoperasikan alat pembakaran bahan api iaitu lapan *pyrolisis reactor* dan sistem pencemaran udara iaitu empat unit *scrubber*, dua unit *cyclone* dan satu unit *cerobong* tanpa mengemukakan pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah terlebih dahulu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 5(a) dan peraturan 5(b) Peraturan-Peraturan itu.

[15] Pemeriksaan penguatkuasaan juga mendapati premis telah gagal menyelenggara dan mengendalikan sistem kawalan pencemaran udara dengan baik mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh bagi komponen sistem kawalan pencemaran udara dengan baik mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh bagi komponen sistem kawalan pencemaran udara yang ada di premis iaitu alat kawalan *scrubber, cyclone* dan cerobong sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 7(3) Peraturan-Peraturan itu.

[16] Premis juga didapati mempunyai alat kawalan pencemaran udara jenis *scrubber* yang memerlukan alat ini diselia oleh orang yang berwibawa. Walau bagaimanapun, hasil siasatan mendapati premis telah gagal memastikan sistem kawalan pencemaran udara ini diselia oleh orang yang berwibawa dan bertugas sepanjang masa sistem kawalan pencemaran udara beroperasi, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 7(4) Peraturan-Peraturan itu.

[17] Selanjutnya, hasil siasatan juga mendapati premis telah gagal melengkapkan peralatan yang berkaitan bagi menjalankan pemantauan prestasi alat kawalan penemaran udara iaitu *magnehelic gaugage/u tube manometer*, *pitot tube* dan *flowmeter*, *rotameter/water flow meter*, *pH meter*, *clamp meter* bagi *scrubber*, *flow meter*, *clamp meter* bagi *cyclone* seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 9(a) Peraturan-Peraturan itu.

[18] Premis juga telah gagal menjalankan pemantauan prestasi bagi alat kawalan *scrubber* dan *cyclone* yang ada di premis sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kualitii Alam Sekelililng kerana premis telah gagal mengemukakan rekod pemantauan prestasi apabila diminta ketika penguatkuasaan dijalankan seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 9(b) Peraturan-Peraturan itu.

[19] Hasil semakan Pegawai Penyiasat (SP33) juga mendapati premis gagal menyelenggara rekod berkaitan dengan proses pengilangan dan penyelenggaraan dan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara kepada pihak Jabatan Alam Sekitar seperti yang di peruntukkan di bawah peraturan 10(1) Peraturan-Peraturan itu.

[20] Selain daripada itu, hasil siasatan juga mendapati premis telah menggunakan bahan api jenis cecair iaitu minyak *pyrolisis* dan diesel bagi alat

pembakaran bahan api iaitu lapan unit *pyrolysis reactor*. Apabila premis menggunakan bahan api jenis cecair, premis perlu menjalankan pemantauan berkala sebagaimana yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua, peraturan 16(1) Peraturan-Peraturan itu. Syarikat tersebut gagal mematuhi peraturan 16 ini.

[21] Carian maklumat SSM ke atas syarikat tersebut telah dilakukan dan mendapati syarikat tersebut telah didaftarkan dengan SSM dengan Nombor Pendaftaran Syarikat: 1241183-X. Pengarah-Pengarah syarikat tersebut ialah Yap Yoke Liang, Wang Jing Chou dan Sim Wei Der.

MERIT RAYUAN PERAYU

[22] Sebelum mahkamah ini menimbangkan rayuan oleh pendakwaan dan syarikat tersebut, eloklah dijenguk kembali nas-nas duluan yang memberikan garis panduan bagi mahkamah ini menimbangkan rayuan daripada mahkamah rendah.

[23] Mahkamah ini merujuk nas tersohor *Abu Bakar bin Alif v R* [1953] 1 MLJ 19; [1952] CLJU 4; [1952] 1 LNS 4 di mana Spenser Wilkinson J dalam bahasa asalnya menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> In the case of *Rex v Ball* 35 Cr App R 164 the Court of Criminal Appeal restated the principles which should guide an Appellate Court in considering the sentence passed by the court below. 'In the first place', the judgment reads, 'this court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the court might have passed a different sentence. The trial judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this court will alter it. If a sentence is excessive or inadequate to such an extent as to satisfy this court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this court will intervene'. In my opinion these remarks apply with equal force to appeals to the High Court from the subordinate courts. I am unable to say in this case that the sentence was excessive or inadequate to such an extent as to satisfy me that there was a failure to apply the right principle.

[24] Mahkamah ini turut merujuk kes *Jamil bin Dun v Public Prosecutor* [2019] MLJU 179; [2019] CLJU 191; [2019] 1 LNS 191 di mana YA Stephen Chung Hian Guan HMR ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [19] It is trite that an appellate court will be slow to interfere with the sentence imposed by the court below unless: (a) the sentence imposed was manifestly excessive or inadequate; (b) that the sentence passed was wrong in the sense of being illegal or unsuitable to the proved facts and circumstances of the case; or (c) there was an error or misdirection in considering the facts and circumstances of the case. An appellate court will not interfere with the sentence merely because it might have passed a different sentence: see *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982]

A 1 MLJ 83; [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139.

[25] Berbekalkan prinsip-prinsip yang digariskan di atas, mahkamah ini akan meneliti alasan penghakiman yang disediakan oleh Tuan HMS itu (RR) (Jld 1) (ms 88–116).
B

[26] Secara ringkasnya pihak pendakwaan menghujahkan hukuman yang dijatuhi ke atas syarikat itu tidak mencerminkan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat tersebut merupakan kesalahan yang berat. Timbalan pendakwa raya (TPR) yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu gagal menimbangkan kesan pencemaran yang berlaku di Sg Kim Kim kepada penduduk setempat. TPR yang terpelajar bergantung kepada eksh P 108A iaitu baucer pembayaran kepada Maridass yang dikatakan membuang enapan minyak ke dalam Sg Kim Kim. Selanjutnya, TPR yang terpelajar memohon mahkamah ini mengambil notis penghakiman (*judicial notice*) berkaitan kesan pencemaran Sg Kim Kim sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar harian iaitu *BH Online* bertarikh 13 Mei 2024 dan Kosmo bertarikh 13 Mei 2024. TPR terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada kesusahan yang ditanggung oleh penduduk Pasir Gudang dan menghujahkan suatu hukuman yang maksima diperlukan. TPR yang terpelajar turut menarik perhatian mahkamah ini kepada gesaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang menzahirkan hukuman yang dijatuhi oleh Tuan HMS tidak memadai dengan apa yang berlaku di Sg Kim Kim.
C D E

[27] TPR yang terpelajar turut memetik artikel yang disiarkan dalam *Berita Harian* yang menyatakan Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM6 juta untuk kerja-kerja pembersihan Sg Kim Kim daripada pencemaran yang berlaku. Jika dilihat jumlah denda yang dijatuhi ke atas syarikat tersebut ia amat kecil dan tidak memadai.
F G

[28] Sebaliknya peguam terpelajar yang mewakili syarikat tersebut menghujahkan pendakwaaan tidak boleh melalui jalan belakang untuk mengaitkan syarikat tersebut dengan pencemaran yang berlaku dalam Sg Kim Kim. Sebaik pertuduhan membuang enapan ke dalam Sg Kim Kim ditarik balik oleh pendakwaan, syarikat tersebut tidak boleh dikaitkan dengan pencemaran Sg Kim Kim. Syarikat tersebut tidak boleh dikaitkan dengan Maridass yang telah mengaku bersalah atas kesalahan dibawah s 25(1) Akta itu.
H

[29] Mahkamah ini telah menimbangkan alasan penghakiman yang disediakan oleh Tuan HMS itu ada menyentuh sebaik pendakwaan mengemukakan lapan pertuduhan pilihan ke atas syarikat tersebut, syarikat tersebut tidak boleh dikaitkan dengan pencemaran Sg Kim Kim sebagaimana yang cuba diketengahkan oleh TPR yang terpelajar dalam hujahannya. Mahkamah ini merujuk pandangan Tuan HMS berkaitan isu ini sebagaimana
I

berikut:

> OKS pada awalnya juga telah dituduh bersama empat orang yang lain untuk kesalahan pencemaran Sungai Kim Kim dibawah s 34B(4) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Walau bagaimanapun, pertuduhan ke atas OKS dan juga tiga pengarah syarikat OKS tersebut telah ditarik balik dan OKS telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan tersebut. Dalam keadaan ini, mahkamah mendapati bahawa OKS tidak lagi dapat dikaitkan dengan mana-mana kesalahan kes pencemaran Sungai Kim Kim tersebut dan hujahan bahawa OKS adalah pelaku pencemaran Sungai Kim Kim adalah tidak lagi relevan dan terpakai. Sesuatu keputusan keadilan tidak boleh dilaksanakan berdasarkan 'virality' dan pada hemah mahkamah, sekiranya sesuatu keadilan itu ditetapkan atas dasar 'virality', maka ianya adalah suatu keadilan yang tersasar. Maksud keadilan yang sebenar adalah untuk meletakkan sesuatu perkara itu pada tempatnya. Dalam hal ini, mahkamah ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tugas mahkamah sebagai penjaga dan benteng terakhir keadilan untuk menetapkan keadilan dan hukuman yang bersesuaian berdasarkan fakta dan merit sesuatu kes tersebut.

[30] Mahkamah ini berpendapat sebaik pendakwaan tidak berhasrat untuk meneruskan pertuduhan yang asal terhadap syarikat tersebut dan/atau Pengarah-Pengarah iaitu kesalahan di bawah s 34B Akta itu, syarikat tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan membabitkan pencemaran udara dan bukannya pembuangan enapan di Sg Kim Kim. Pendakwaan tidak boleh bergantung kepada fakta semasa perbicaraan berlangsung sebelumnya kerana ia membabitkan pertuduhan yang berlainan. Dalam konteks ini, mahkamah ini merujuk kes *Lian Kian Boon v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 51; [1990] 2 CLJ 799 dimana YA Richard Talalla PK ada menyatakan:

> I have to say with respect that the learned magistrate should have disregarded completely anything connected with the original charge against the accused. That charge was amended and it was to the amended charge that the appellant pleaded guilty. The original charge namely a charge of murder against the appellant must be taken to have been withdrawn and the appellant treated as being wholly innocent of that charge.

[31] Berpandukan kepada prinsip yang digariskan dalam kes *Lian Kian Boon*, sebaik pendakwaan menarik balik pertuduhan asal dan mengemukakan pertuduhan pilihan ke atas syarikat tersebut, syarikat tersebut mengakui fakta kes (P157) terhad kepada kesalahan-kesalahan pencemaran udara dan tidak berkaitan langsung dengan pencemaran Sg Kim Kim. TPR yang terpelajar cuba mengaitkan syarikat tersebut dengan tindakan Maridass yang membuang enap cemar berminyak ke dalam Sg Kim Kim. TPR bergantung kepada eksh P108A yang dikatakan syarikat tersebut membayar sejumlah wang kepada Maridass bagi tujuan tersebut. TPR yang terpelajar menghujahkan tidak munasabah bagi Maridass untuk mengangkut air jika bukan bahan buangan yang terhasil dari kilang syarikat tersebut yang melakukan *pyrolysis* tayar lama. Mahkamah ini berpendapat sepanjang perbicaraan berlangsung, tiada

keterangan yang membuktikan 'air' yang tercatat dalam P108A merujuk kepada enapan buangan yang terhasil di kilang P Tech Resources Sdn Bhd.

[32] Mahkamah ini turut merujuk fakta kes (P156) yang dikemukakan semasa Maridass mengaku bersalah atas pertuduhan s 25(1) Akta itu. Fakta kes tidak menyatakan Maridass melepaskan buangan Kod SW 311 yang terhasil dari proses *pyrolysis* tayar-tayar lama dari kilang syarikat tersebut. Fakta kes semasa Maridass mengaku bersalah di perenggan 11 sekadar menyatakan:

> 11. Hasil siasatan, OKT didapati melepaskan buangan terjadual di bawah Kod SW311 iaitu enap cemar berminyak, seperti tersenarai dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ke dalam Sg Kim Kim dengan menggunakan motorlori nombor pendaftaran MBA 8996 jenis Mitsubishi dan semi treller tangka M/Sawit No Plat T/JJ3595 tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996).

[33] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu telah menggunakan budi bicaranya semasa menjatuhi hukuman denda ke atas syarikat tersebut tanpa dipengaruhi berita-berita yang tersiar dalam media massa berkaitan pencemaran Sg Kim Kim. Dalam konteks ini, mahkamah ini merujuk kes *Tuan Mat bin Tuan Lonik v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638 ada menyentuh kepentingan awam tidak boleh disamakan dengan pandangan umum. YA Suriyadi Halim Omar HMR (pada ketika itu) ada memberikan pandangannya seperti berikut:

> Unfortunately many a time, the concept of public interest may take a twisted meaning, and be equated with public opinion. When public opinion takes the front seat then the demand for retribution takes prominence, resulting sometimes in inappropriate or even void sentences.

[34] TPR yang terpelajar dalam hujahannya merujuk kepada petikan akhbar bagi menunjukkan kesan pencemaran Sg Kim Kim. Mahkamah ini telah pun memutuskan kesalahan yang dimana syarikat tersebut mengakui kesalahan tiada kaitan dengan Sg Kim Kim. Mahkamah ini ingin menyentuh petikan akhbar tanpa pembuktikan selanjutnya tidak boleh diterima bulat-bulat atau berselindung dengan notis penghakiman yang cuba dihujahkan oleh TPR yang terpelajar bagi memohon hukuman maksima dikenakan ke atas kesalahan pencemaran udara. Mahkamah ini merujuk kes *Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan & Anor v Dr Tan Kee Kwong* [2012] 4 MLJ 622; [2012] 3 CLJ 342 yang memutuskan:

> [96] Apart from the failure to call Faisal Zakaria, the plaintiff failed to prove that the defendant was responsible for the publication of the report, what has been produced in evidence is bundle B p 2 which has been marked as P2. It is trite law that newspaper report is hearsay evidence In *Karpal Singh v Sultan of Selangor* [1988] 1 MLJ 64; [1987] 2 CLJ 342; [1987] CLJ Rep 686, Abdul Hamid Omar CJ (Malaya)

said at p 65 (MLJ); p 689 (CLJ):

> ... I ... observe that the sole foundation of the originating summons is the statement allegedly made by the Sultan as reported in the New Straits Times and The Star newspapers on 27 July 1987. There is no affidavit before the court affirmed to by the reporter concerned stating that he heard the Sultan made such statement. The press reports of what the Sultan is reported to have said would appear to be inadmissible as hearsay. The fact that the Sultan has not contradicted the press reports does not, in my view, make the slightest difference for it is well established that inadmissible evidence does not become admissible by reason of a failure to object.

[35] Mahkamah ini turut merujuk kes *Samont N Balakrishna v George Fernandez* 1969 SCR (3) 603 yang menyatakan seperti berikut:

> A newspaper report without any further proof of what had actually happened through witnesses is of no value. It is at best a second-hand secondary evidence. It is well known that reporters collect information and pass it onto editor who edits the news item and then publishes it. In this process, the truth might get perverted or garbled. Such news items cannot be said to prove themselves although they may be taken into account with other evidence if the other evidence is forcible.

[36] Berdasarkan prinsip undang-undang yang dirujuk di atas, mahkamah ini berpendapat keratan akhbar yang dirujuk oleh TPR yang terpelajar sekadar 'hearsay' dan tidak boleh diambil kira bagi tujuan rayuan atas hukuman di hadapan mahkamah sekarang.

[37] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terlampau menumpukan mindanya kepada lapan kesalahan di mana syarikat tersebut mengaku bersalah merupakan kesalahan pentadbiran semata-mata. Tuan HMS itu dalam alasan penghakimannya menyatakan:

> Mahkamah telah melihat kepada fakta kes dan mendapati bahawa lapan pertuduhan yang dikenakan ke atas OKS adalah suatu kesalahan yang berbentuk kesalahan pentadbiran. Pada takat ini, tiada kes pencemaran alam sekitar melibatkan udara telah dibuktikan dan telah dilakukan oleh OKS hasil daripada pengoperasian kilang OKS dalam industri *pyrolysis* tayar. Fakta kes juga menunjukkan bahawa OKS telah mempunyai sistem alat kawalan pencemaran udara di premis OKS. Namun, Mahkamah mengakui bahawa peraturan-peraturan yang ditetapkan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini adalah penting untuk dilaksanakan bagi menjaga kepentingan awam dan mengelakkan insiden pencemaran alam sekitar berlaku di masa hadapan. Mahkamah berpendapat satu hukuman yang seimbang dan sewajarnya perlu dikenakan untuk memenuhi tujuan AKAS 1974 digubal iaitu untuk mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar.

[38] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu gagal menghayati tujuan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 di gubal oleh Badan Parlimen. Peraturan telah menetapkan tatacara dan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan bagi menghalang pencemaran udara berlaku. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar sekiranya tindakan penguatkuasaan tidak dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas premis syarikat tersebut, lapan kesalahan dimana syarikat tersebut mengaku bersalah tidak akan dikesan dan akan berterusan. Pencemaran udara ini akan berlaku secara berterusan dan membahayakan kehidupan manusia yang tinggal di kawasan berhampiran kilang tersebut. Mahkamah ini merujuk kes *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261 dimana YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) ada menyentuh perkara 5 Perlembagaan Persekutuan mencakupi hidup yang sihat dan bebas daripada pencemaran alam sekitar. YA dalam penghakimannya menyatakan:

> [3] The expression 'life' appearing in art 5(1) of the Federal Constitution does not refer to mere existence. It incorporates all those facets that are an integral part of life itself and those matters which go to form the quality of life. For the purposes of the present case, it encompasses the right to continue in public service subject to removal for good cause by resort to a fair procedure.

[39] Mahkamah ini juga berpendapat Tuan HMS itu gagal menimbangkan kekerapan kes pencemaran udara yang berlaku di Negeri Johor. Tuan HMS itu boleh mengambil notis penghakiman berkaitan kekerapan kes pencemaran udara yang berlaku di Negeri Johor (sila rujuk kes *Public Prosecutor v Sathiaseelan a/l Periyasamy & Anor* [2010] 8 MLJ 710; [2010] 2 CLJ 890 dan *Public Prosecutor v Kamaruzaman bin Mahmud & Anor* [2007] 1 MLJ 750; [2006] 4 CLJ 792).

[40] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan diatas, mahkamah ini membenarkan rayuan pihak pendakwaan atas hukuman bagi kesemua pertuduhan pilihan melibatkan pencemaran udara. Mahkamah ini menaikkan hukuman denda dari RM40,000 kepada RM80,000 bagi setiap kes. Rayuan oleh syarikat tersebut atas hukuman di tolak.

KESIMPULAN

[41] Rayuan oleh pihak pendakwaan atas hukuman dibenarkan sebagaimana di perenggan [40]. Rayuan oleh syarikat tersebut atas hukuman ditolak.

Rayuan pendakwa raya dibenarkan; hukuman denda dinaikkan dari RM40,000 kepada RM80,000 bagi setiap kes; rayuan syarikat tersebut ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar